

Sila baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Takaful myClick Travel PA. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

Produk ini menyediakan pampasan sekiranya berlaku kecederaan, keilatan kekal atau kematian yang disebabkan oleh kemalangan, perbelanjaan perubatan akibat kemalangan atau penyakit, kesulitan perjalanan dan perkhidmatan bantuan perjalanan semasa di dalam dan luar negara. Anda mempunyai pilihan untuk memasukkan perlindungan COVID-19 tertakluk kepada sumbangan tambahan.

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Produk ini menggunakan konsep Syariah berikut:

- Hibah** merujuk kepada pemindahan hak milik atas satu aset dari penderma kepada penerima tanpa sebarang pertimbangan. Di bawah produk ini, manfaat yang dibayar dari Dana Takaful Am ("DTA") adalah berdasarkan Hibah. Penerima boleh menerima manfaat yang dibayar di bawah produk ini jika penerima adalah seorang penerima di bawah Hibah bersyarat.
- Ju'alah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada pihak lain yang berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan. Di bawah produk ini, peserta membenarkan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad ("Kami", atau "Takaful Malaysia") untuk menerima sebahagian daripada lebihan boleh agih daripada DTA sebagai insentif prestasi atas pencapaian Takaful Malaysia dalam menguruskan DTA yang menghasilkan lebihan tersebut.
- Qard** merujuk kepada kontrak pemberian pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam itu perlu membayar balik jumlah yang setara kepada pemberi pinjaman. Di bawah produk ini, Takaful Malaysia akan meminjamkan sejumlah wang kepada DTA tanpa faedah sekiranya DTA mengalami defisit.
- Tabarru'** bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Di bawah produk ini, peserta menderma sebahagian sumbangan kepada DTA untuk membantu peserta lain. Tabarru' berkuat kuasa apabila peserta menyumbang kepada DTA.
- Wakalah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah. Di bawah produk ini, peserta memberi kuasa kepada Takaful Malaysia untuk menguruskan DTA dan sebagai balasannya, Takaful Malaysia akan menerima yuran Wakalah.

3. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Secara umum, produk ini merangkumi manfaat berikut:

Bahagian 1 Manfaat Kemalangan Diri.

Bahagian 2 Manfaat Perubatan dan Lain-lain yang Berkaitan.

Bahagian 3 Manfaat Pemindahan Perubatan Kecemasan dan Penghantaran Pulang.

Bahagian 4 Manfaat Kesulitan Perjalanan dan Lain-lain yang Berkaitan.

Bahagian 5 Perlindungan COVID-19 (manfaat pilihan untuk Luar Negara, Pelan Perjalanan Tunggal sahaja).

Nota terpakai untuk Bahagian 5 sahaja:

- Manfaat ini **tidak melindungi** mana-mana **orang yang tidak diberi vaksin sepenuhnya** seperti yang dikehendaki oleh kerajaan, kecuali kanak-kanak di bawah umur lapan belas (18) tahun.
- Pembatalan Perjalanan akibat COVID-19 **tidak akan dibayar** jika sijil **disertai kurang daripada tujuh (7) hari** sebelum bermulanya **perjalanan yang dijadualkan**.

Sila rujuk Jadual Manfaat/Pelan di bawah untuk ringkasan manfaat dan Jumlah Perlindungan di bawah setiap Pelan.

Bahagian	Jadual Manfaat / Pelan	Jumlah Perlindungan (RM)			
		Domestik	Luar Negara		
			Gangsa	Perak	Emas
1	Manfaat Kemalangan Diri				
A	Kematian atau Keilatan Kekal akibat Kemalangan				
	▪ Sehingga umur 70 tahun	50,000	100,000	300,000	500,000
	▪ 71 – 80 tahun	25,000	50,000	150,000	250,000
	▪ Anak	10,000	25,000	75,000	100,000
	▪ Had Keluarga ¹	150,000	300,000	900,000	1,500,000
B	Tabung Pendidikan Anak (setiap kejadian)	Tiada	Tiada	5,000	10,000

Bahagian	Jadual Manfaat / Pelan	Jumlah Perlindungan (RM)			
		Domestik	Luar Negara		
			Gangsa	Perak	Emas
2	Manfaat Perubatan dan Lain-lain yang Berkaitan (disebabkan oleh)	Kemalangan	Kemalangan atau Penyakit		
A	Perbelanjaan Perubatan - Sehingga umur 70 tahun 71 – 80 tahun - Had Keluarga¹	5,000 2,500 15,000	100,000 50,000 300,000	300,000 150,000 900,000	500,000 250,000 1,500,000
B	Rawatan Susulan di Malaysia ² - Sehingga umur 70 tahun 71 – 80 tahun - Had Keluarga¹	Tiada	10,000 5,000 30,000	20,000 10,000 60,000	30,000 15,000 90,000
C	Manfaat Kunjungan Ihsan ²	Tiada	5,000	7,500	10,000
D	Manfaat Penjagaan Anak (setiap kejadian) ²	Tiada	5,000	7,500	10,000
E	Rawatan Perubatan Alternatif ²	Tiada	Tiada	500	1,000
F	Elaun Hospital ²	2,000	3,000	5,000	10,500
3	Manfaat Pemindahan Perubatan Kecemasan dan Penghantaran Pulang ³ (disebabkan oleh)	Kemalangan	Kemalangan atau Penyakit		
A	Perbelanjaan Pengebumian di Malaysia.	Tiada	2,500	5,000	7,500
B	Pemindahan Perubatan	Tiada	Tiada had	Tiada had	Tiada had
C	Penghantaran Pulang Diawasi Secara Perubatan	Tiada			
D	Penghantaran Pulang Jenazah	50,000			
4	Manfaat Kesulitan Perjalanan dan Lain-lain yang Berkaitan				
A	Kerosakan/Kehilangan Bagasi dan Barang Peribadi (sehingga RM500 untuk setiap barang)	1,000	2,500	5,000	7,500
B	Kehilangan Dokumen Perjalanan	Tiada	2,500	5,000	7,500
C	Kehilangan Duit	Tiada	500	1,000	1,500
D	Kelewatan Bagasi (RM200 setiap 6-jam kelewatan)	400	400	800	1,200
E	Kelewatan Perjalanan (RM200 setiap 6-jam kelewatan)	400	1,000	2,000	3,000
F	Pembatalan Perjalanan	1,000	5,000	15,000	25,000
G	Pemendekan Perjalanan	Tiada	5,000	15,000	25,000
H	Terlepas Sambungan Perjalanan (sekurangnya 6-jam kelewatan)	200	400	500	600
I	Ketinggalan Pelepasan	Tiada	Tiada	1,000	2,000
J	Perjalanan Terlebih Tempahan (RM200 setiap 6-jam kelewatan)	Tiada	Tiada	2,000	3,000
K	Kehilangan Deposit/Bayaran Penuh akibat Agensi Pelancongan atau Syarikat Penerbangan Bankrap	Tiada	Tiada	3,000	5,000
L	Perlindungan Peralatan Golf (setiap kejadian) (sehingga RM500 untuk setiap kayu golf)	Tiada	Tiada	2,000	5,000
M	Kehilangan Kad Kredit	Tiada	Tiada	2,000	5,000
N	Perlindungan Lebihan Kereta Sewa (setiap kejadian)	Tiada	Tiada	500	1,000
O	Perlindungan Rumah (setiap kejadian)	500	1,000	3,000	5,000
P	Liabiliti Peribadi	Tiada	250,000	500,000	1,000,000
Q	Perkhidmatan Bantuan Perjalanan	Termasuk	Termasuk	Termasuk	Termasuk
5	Perlindungan COVID-19 (pilihan)				
A	Pembatalan Perjalanan kerana COVID-19	Tiada	5,000	5,000	5,000
B	Gangguan Perjalanan kerana COVID-19	Tiada	5,000	5,000	5,000
C	Perbelanjaan Perubatan Luar Negara kerana COVID-19 - Sehingga umur 70 tahun 71 – 80 tahun - Had Keluarga¹	Tiada	200,000 100,000 600,000	200,000 100,000 600,000	200,000 100,000 600,000
D	Pemindahan Perubatan dan Penghantaran Pulang kerana COVID-19	Tiada	100,000	100,000	100,000
E	Penghantaran Pulang Jenazah kerana COVID-19	Tiada	100,000	100,000	100,000

Nota:

1. Jumlah Perlindungan untuk orang dewasa berumur 71 – 80 tahun adalah lima puluh peratus (50%) daripada Jumlah Perlindungan untuk orang yang berumur ≤ 70 tahun.
2. Jumlah keseluruhan dibayar untuk Bahagian 2 adalah tertakluk kepada Jumlah Perlindungan maksimum di bawah Bahagian 2A – Perbelanjaan Perubatan.
3. Sila hubungi nombor talian hotline dua puluh empat (24) jam pembekal perkhidmatan Kami di **+603-7628 3905** untuk bantuan perubatan kecemasan.
4. Semua manfaat di bawah Bahagian 1 hingga 4 dilindungi secara automatik manakala Perlindungan COVID-19 di bawah Bahagian 5 hanya terpakai jika ia disertakan di dalam sijil anda, tertakluk kepada sumbangan tambahan.
5. Jika anda memilih Pelan Keluarga, ia melindungi anda, pasangan anda dan anak anda sehingga lima (5) orang.
6. Untuk Pelan Keluarga di bawah Bahagian 2C, 2E, 2F, 3A, 4A – 4K, 4M, 4P, 5A, 5B, 5D dan 5E, jumlah keseluruhan untuk semua orang yang dilindungi ialah tiga ratus peratus (300%) daripada jumlah perlindungan yang ditunjukkan di dalam Jadual Manfaat.
7. Untuk keterangan lanjut setiap manfaat, sila rujuk sijil.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (**TIPS**) PIDM atau hubungi Takaful Malaysia atau PIDM (layari www.pidm.gov.my/my).

4. Berapakah sumbangan yang saya perlu bayar?

Jumlah sumbangan yang anda perlu bayar berbeza-beza bergantung pada pelan pilihan anda, destinasi, tempoh perjalanan dan manfaat pilihan. Perlindungan tersedia pada Pelan Perjalanan Tunggal atau Pelan Tahunan. Pelan tahunan tidak tersedia untuk Pelan Keluarga atau Domestik.

Sila rujuk jumlah sumbangan dalam jadual di bawah.

Tempoh Perlindungan	PELAN INDIVIDU (RM)									
Jenis Pelan	Domestik	LUAR NEGARA								
		Gangsa			Perak			Emas		
Wilayah Perjalanan		1	2	3	1	2	3	1	2	3
1 - 5 hari	14	22	30	40	35	47	63	47	62	84
6 - 10 hari	20	31	42	55	50	67	90	65	90	120
11 - 18 hari	29	50	65	90	80	107	145	105	142	190
19 - 31 hari	34	60	78	105	96	130	174	127	170	230
Setiap Minggu Tambahan	Tiada	15	21	28	27	35	45	35	45	64
Pelan Tahunan	Tiada	167	200	250	260	320	380	350	425	500

Tempoh Perlindungan	PELAN KELUARGA (RM)									
Jenis Pelan	Domestik	LUAR NEGARA								
		Gangsa			Perak			Emas		
Wilayah Perjalanan		1	2	3	1	2	3	1	2	3
1 - 5 hari	32	55	71	95	87	117	158	116	155	210
6 - 10 hari	48	75	104	135	120	165	222	165	220	300
11 - 18 hari	69	120	160	215	195	260	355	260	350	475
19 - 31 hari	80	150	200	270	250	335	450	333	445	600
Setiap Minggu Tambahan	Tiada	40	52	70	65	86	115	85	115	155

Sumbangan Tambahan untuk Perlindungan COVID-19 (pilihan)

Tempoh Perlindungan	Domestik	PELAN INDIVIDU (RM)			PELAN KELUARGA (RM)		
Wilayah Perjalanan		1	2	3	1	2	3
1 - 5 hari	Tiada	67	71	95	167	171	233
6 - 10 hari	Tiada	81	91	119	200	223	299
11 - 18 hari	Tiada	100	119	161	252	295	395
19 - 31 hari	Tiada	133	157	213	323	395	532
Setiap Minggu Tambahan	Tiada	24	28	39	52	71	95

Wilayah Perjalanan

Wilayah	Negara-negara
Luar Negara	1 Bangladesh, Bhutan, Brunei, Kemboja, China (kecuali Tibet dan Mongolia), Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Laos, Macau, Maldives, Myanmar, Pakistan, Filipina, Singapura, Korea Selatan, Sri Lanka, Taiwan, Thailand dan Vietnam.
	2 Seluruh dunia kecuali Malaysia, Amerika Syarikat, Kanada dan negara-negara yang dikenakan sekatan*.
	3 Seluruh dunia kecuali Malaysia dan negara-negara yang dikenakan sekatan*.
*Negara-negara yang dikenakan sekatan: Afghanistan, Belarus, Cuba, Iran, Korea Utara, Rusia, Syria, Ukraine dan Venezuela.	
Domestik	Di dalam Malaysia dan mestilah melebihi 50 kilometer dari rumah orang yang dilindungi dan tidak termasuk sebarang perjalanan harian ke dan dari tempat perniagaan atau pekerjaan mereka.

Nota:

- Jumlah sumbangan tidak termasuk RM10 duti setem dan 8% cukai perkhidmatan (Pelan Domestik sahaja).
- Sumbangan tambahan untuk Perlindungan COVID-19 adalah sama untuk semua Pelan Gangsa, Perak dan Emas.

5. Apakah caj dan yuran yang saya perlu bayar?

Jenis	Jumlah
Yuran Wakalah	Sehingga 45% daripada jumlah sumbangan termasuk: - 25% - Komisyen (jika ada) - 20% - Perbelanjaan Lain
Cukai Perkhidmatan	8% daripada sumbangan, terpakai untuk Pelan Domestik sahaja
Duti Setem*	RM10.00 setiap sijil

*Duti setem dikecualikan bagi sijil dengan jumlah sumbangan tahunan tidak melebihi RM150 sehingga 31/12/2025. Selepas itu, duti setem RM10 akan dibayar mulai 1/1/2026 tanpa mengira jumlah sumbangan tahunan.

6. Apakah sebahagian daripada terma dan syarat penting yang patut saya ketahui?

Sebahagian daripada terma dan syarat penting yang patut anda ketahui adalah:

- Tanggungjawab Pendedahan** – Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat pernyataan yang salah dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon Takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan berkenaan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan tuntutan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon Takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami (atau semasa permohonan Takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- Tunai Sebelum Perlindungan** – Sumbangan penuh mesti dibuat sebelum tarikh permulaan perlindungan.
- Tuntutan** – Jika berlaku insiden yang menimbulkan tuntutan, anda hendaklah memaklumkan Takaful Malaysia dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas pulang ke Malaysia. Anda boleh merujuk kepada prosedur tuntutan dalam sijil.
- Had Umur** – Produk ini tidak melindungi mana-mana orang yang berumur lebih dari lapan puluh (80) tahun. Bagi anak di bawah Pelan Keluarga, umur mestilah antara tiga puluh (30) hari dan lapan belas (18) tahun atau dua puluh tiga (23) tahun, jika anak masih belajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf.
- Orang yang Layak** - Produk ini tersedia untuk rakyat Malaysia, pemastautin tetap Malaysia, dan pemegang pas pekerjaan / permit kerja Malaysia sepanjang Tempoh Takaful.
- Tempoh Perlindungan Maksimum**
 - Pelan Perjalanan Tunggal – sehingga tiga puluh satu (31) hari untuk Pelan Domestik dan sehingga seratus sembilan puluh (190) hari untuk Pelan Luar Negara bagi setiap perjalanan.

- ii. Pelan Tahunan – bilangan perjalanan tanpa had sepanjang setahun tertakluk kepada tempoh maksimum sembilan puluh lima (95) hari bagi setiap perjalanan dan mestilah dalam Tempoh Takaful.

g. Tempoh Perlindungan

Bagi Bahagian 4F - Pembatalan Perjalanan dan Bahagian 5A - Pembatalan Perjalanan disebabkan oleh COVID-19, perlindungan akan bermula apabila sijil dikeluarkan dan tamat apabila bermulanya perjalanan. Kami tidak akan membayar sebarang tuntutan di bawah kedua-dua bahagian ini jika sijil disertai kurang daripada tujuh (7) hari sebelum bermulanya perjalanan yang dijadualkan.

Untuk Bahagian-bahagian lain, tempoh perlindungan adalah seperti di bawah:

Perjalanan Luar Negara (Wilayah Perjalanan 1, 2 atau 3)

Perlindungan hanya akan bermula dari masa orang yang dilindungi meninggalkan rumahnya untuk perjalanan terus ke tempat berlepas di Malaysia untuk memulakan perjalanan ke destinasi luar negara yang dimaksudkan; masa tersebut mestilah tidak melebihi enam (6) jam sebelum masa yang dijadualkan untuk berlepas dari Malaysia.

Perlindungan akan ditamatkan secara automatik pada mana-mana yang berikut berlaku dahulu:

- i. enam (6) jam selepas waktu ketibaan yang dijadualkan di destinasi akhir di Malaysia;
- ii. selepas kematian orang yang dilindungi;
- iii. apabila tamat Tempoh Takaful seperti yang dinyatakan dalam sijil pada 23:59 pm waktu Malaysia; atau
- iv. apabila orang yang dilindungi pulang ke rumahnya di Malaysia.

Perjalanan Domestik (dalam Malaysia)

Perlindungan hanya akan bermula selepas perjalanan melebihi lima puluh (50) kilometer dari rumah orang yang dilindungi di Malaysia untuk perjalanan terus ke destinasi yang dimaksudkan di Malaysia.

Perlindungan akan ditamatkan secara automatik pada mana-mana yang berikut berlaku dahulu:

- i. selepas kematian orang yang dilindungi;
- ii. apabila tamat Tempoh Takaful seperti yang dinyatakan dalam sijil pada 23:59 pm waktu Malaysia; atau
- iii. apabila orang yang dilindungi pulang ke rumahnya di Malaysia.

Nota: Senarai di atas tidak lengkap. Sila rujuk sijil dan lampiran untuk terma dan syarat penuh.

7. Apakah pengecualian utama bagi produk ini?

Produk ini tidak melindungi perkara berikut:

- a. keadaan sedia ada;
- b. perjalanan yang dilakukan berdasarkan nasihat perubatan atau apabila tujuan perjalanan adalah untuk mendapatkan sebarang bentuk rawatan perubatan, perundingan atau nasihat;
- c. sukan profesional atau berbahaya atau apa-apa jenis perlumbaan selain daripada berjalan kaki;
- d. bunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan;
- e. mabuk disebabkan oleh alkohol atau dadah;
- f. kehamilan termasuk bersalin, pembedahan *caesarean*, keguguran dan semua komplikasi yang berkaitan kecuali keguguran akibat kemalangan;
- g. perjalanan udara selain sebagai penumpang yang membayar tambang pada syarikat penerbangan berjadual biasa atau pesawat sewa berlesen;
- h. melibatkan diri dalam sukan atau permainan dalam kapasiti profesional;
- i. pekerjaan di atas kapal dagang atau sebagai buruh kasar; perkhidmatan atau operasi tentera laut, tentera atau udara, tugas tetap atau sementara, ketenteraan atau polis; atau
- j. semasa melakukan sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang.

Nota: Senarai di atas tidak lengkap. Sila rujuk sijil dan lampiran untuk senarai lengkap pengecualian.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil?

Untuk Pelan Perjalanan Tunggal, anda boleh membatalkan sijil sebelum tarikh kuat kuasa sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada Kami melalui emel kepada csu@takaful-malaysia.com.my dan mendapatkan bayaran balik sumbangan dengan syarat tiada tuntutan dibuat di bawah sijil anda. Walau bagaimanapun, tiada pembatalan dibenarkan pada atau selepas tarikh kuat kuasa sijil anda.

Untuk Pelan Tahunan, anda boleh membatalkan sijil pada bila-bila masa dan Kami akan membayar balik sumbangan secara prorata, dengan syarat tiada tuntutan dibuat di bawah sijil anda.

9. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan pada butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk anda mengemas kini dalam portal Pelanggan myTakaful atau memaklumkan kepada Kami secara bertulis atau ke cawangan berdekatan mengenai sebarang perubahan butiran peribadi untuk memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat?

Jika anda ingin mengetahui lebih lanjut tentang produk ini, sila hubungi Kami di:

Unit Khidmat Pelanggan (CSU),

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [No. Pendaftaran: 201701032316 (1246486-D)],
Tingkat 27, Blok Annex,
Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.
Peti Surat 11483,
50746 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300 88 252 385
Faks: 603 - 2274 0237
Emel: csu@takaful-malaysia.com.my

11. Jenis-jenis perlindungan lain yang sama dan boleh didapati.

Sila rujuk laman web Kami di online.takaful-malaysia.com.my.

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK AMBIL MAKLUM JADUAL MANFAAT BAGI KEMATIAN DAN KEILATAN KEKAL AKIBAT KEMALANGAN DALAM SIJIL DAN ANDA MESTI MELANTIK PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG SIJIL YANG TELAH ANDA SERTAI.

ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL DAN HUBUNGI KAMI TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Produk ini diuruskan oleh Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [No. Pendaftaran: 201701032316 (1246486-D)] yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan di dalam Helaian Penerangan Produk ini adalah sah pada November 2024.